

13 JUN 2002

Hishammuddin-IPTS

PEMUDA UMNO AKAN TEMUI IPTS SELIDIK ISU PELAJAR BUMIPUTERA

KUALA LUMPUR, 13 Jun (Bernama) -- Pergerakan Pemuda Umno akan mengadakan pertemuan dengan kesemua 600 instituti pengajian tinggi swasta (IPTS) di negara ini untuk menjalankan kajian bagi meningkatkan jumlah pelajar bumiputera dalam IPTS.

Ketua Pemuda Umno Datuk Hishammuddin Hussein berkata pergerakan itu sudah menamakan sembilan anggota Jawatankuasa Khas Pendidikan Bumiputera di IPTS yang bertanggungjawab menjalankan kajian itu.

Katanya, sejak isu kekurangan pelajar bumiputera di IPTS timbul, sudah banyak institut berkenaan tampil untuk menyediakan ruang lebih luas kepada pelajar tersebut dan ini merupakan satu perkembangan yang baik.

Beliau berkata pengumuman Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi semalam mengenai komitmen kerajaan meningkatkan jumlah pelajar di IPTS merupakan langkah permulaan ke arah memperjuangkan hak pendidikan bumiputera.

"Kuota pelajar bumiputera bukan agenda utama, tapi yang lebih penting adalah untuk meningkatkan jumlah pelajar Melayu melanjutkan pelajaran," katanya dalam persidangan media selepas membuat pengumuman mengenai Ekspo Nasional Usahawan Pemuda Bumiputera di bilik mesyuarat pergerakan itu di sini, hari ini.

Hishammuddin yang juga Menteri Belia dan Sukan berkata, Pemuda menyambut baik kenyataan Abdullah yang mahu memperbanyakkan tabung bagi membiayai pelajar ke IPTS dan ingin melihat penubuhan sebuah yayasan khusus membantu pelajar bumiputera melanjutkan pelajaran di IPTS.

Menurutnya soal pembiayaan kewangan pelajar untuk ke IPTS juga merupakan antara agenda utama yang akan dibincangkan pada Perhimpunan Agung Pemuda Umno nanti.

"Mungkin soal penubuhan Yayasan itu akan turut dibincangkan. Tapi Yayasan sebegini sebenarnya tidak perlu dikendalikan terus oleh Pemuda. Siapa saja yang ingin melihat anak-anak kita melanjutkan pelajaran ke IPTS boleh mulakannya," katanya.

Sementara itu pengerusi Jawatankuasa Khas Pendidikan Bumiputera di IPTS Pemuda Umno, Dr Adham Baba yang ditemui selepas majlis tersebut berkata semua IPTS yang akan ditemui jawatankuasanya itu sudah dikenalpasti dan akan dihubungi secara berperingkat.

Beliau berkata jawatankuasa itu juga akan meninjau ke mana perginya 11,000 pelajar yang gagal dalam permohonan ke universiti dan berapa ramai daripadanya yang melanjutkan pelajaran ke IPTS.

"Ini merupakan antara perkara yang hendak kita selidik. Kita mahu tahu apa masalahnya, ke mana mereka selepas gagal ke IPTA dan mengapa mereka tidak berminat masuk IPTS," katanya.

Beliau berkata IPTS boleh membantu menarik minat lebih ramai pelajar bumiputera dengan menyediakan suasana pembelajaran yang lebih kondusif bagi memenuhi kehendak pelajar, seperti lokasi yang lebih baik, kemudahan tempat makan yang selesa dan kemudahan surau.

Pada majlis itu Hishammuddin turut mengumumkan tema Ekspo Nasional Usahawan Pemuda yang bertajuk "Gandingan Usahawan Bumiputera Penggerak Kecemerlangan Bangsa."

Hishammuddin berkata ekspo empat hari yang akan dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Mahathir Mohamad di Pusat Dagangan Dunia Putra itu bertujuan mengetengahkan usahawan dalam bidang pembuatan serta memperkenalkan produk mereka secara menyeluruh.

Di samping itu ia juga bertujuan menjalin rangkaian usahawan Melayu untuk sama-sama menuju ke arah pencapaian produktiviti yang maksima, memudahkan usahawan mencari agen atau wakil jualan memasarkan produk mereka dalam atau luar negara dan membuktikan bahawa hasil keluaran tempatan mampu bersaing dalam bidang pembuatan serta pengeluaran.

Katanya expo itu akan disertai oleh syarikat besar bagi memasarkan barangan mereka yang unik dan berkualiti. Sehingga kini 63 syarikat telah menempah ruang pameran pada ekspo itu.

-- BERNAMA

AZH ZS ZB